


Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Ayah membeli mesin basuh yang _____ sempena jualan akhir tahun di kedai elektrik itu.

A baharu B lama
C pantas D lambat

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Keropok ikan itu digemari ramai kerana _____ dan rasanya yang enak.

A lembik B keras
C rangup D basi

3. Qaed tidak terangkat kotak yang _____ itu.

A berat B tebal
C nipis D kesat

4. Longgokan sampah yang berbau _____ itu telah mencemarkan kawasan taman dan mengganggu penduduk di situ.

A basi B hanyir
B busuk D hancing

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Perwatakan anak perempuan Encik Hisham yang _____ itu menyebabkan ramai anak-anak muda di kampung meminatinya.

A sopan B baik
C nakal D cermat

6. Dengan menaiki komuter, perjalanan ke sesuatu destinasi mengambil masa yang _____ sahaja.

A singkat B cepat
C laju D lama

7. Ibu menyimpan snek ubi kentang itu di dalam bekas kedap udara supaya tidak _____.

A sedap B lemau
C wangi D busuk

8. Air teh yang dihidangkan itu terlalu _____ kerana terlebih gula.

A manis B tawar
C pahit D masin